

**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**www.ijlgc.com**PENEROKAAN PENGETAHUAN, PERSEPSI, DAN KESAN
PENYEBARAN BERITA PALSU DI 'N.E.W.S.E.E.D' DALAM
KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA***AN EXPLORATION OF KNOWLEDGE, PERCEPTION, AND EFFECTS OF
SPREADING FAKE NEWS IN 'N.E.W.S.E.E.D' AMONG STUDENT OF
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA*Romlah Ramli^{1*}, Norhuda Salleh², Ahmad Faisal Mohamed Fiah³, Noor Syakirah binti Zakaria⁴¹ School of Multimedia Technology and Communication, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: romlah@uum.edu.my

² Faculty of Humanities, Arts and Heritage, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: norhudasalleh@ums.edu.my

³ Faculty Communication and Media Studies, UiTM Shah Alam, Malaysia

Email afaisal@uitm.edu.my

⁴ Faculty Humanities, Arts and Heritage, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: syakirah@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 15.06.2022

Revised date: 20.07.2022

Accepted date: 25.09.2022

Published date: 30.09.2022

To cite this document:

Ramli, R., Salleh, N, Mohamed Fiah, A. F., Zakaria, N. S., (2022). Penerokaan Pengetahuan, Persepsi, Dan Kesan Penyebaran Berita Palsu Di 'N.E.W.S.E.E.D' Dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Utara Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (29), 689-703.

DOI: 10.35631/IJLGC.729046.**Abstrak:**

Fenomena berita palsu menjadi persekitaran negatif dalam perkongsian fakta atau perkara sebaliknya. Perkembangan platform komunikasi iaitu media sosial menjadi medium bagi pencipta berita palsu atau penyampai berita palsu bergiat aktif dalam kegiatan ini. Masyarakat lazimnya terdedah dengan penyebaran berita palsu di dalam penggunaan media sosial sama ada ia berkaitan dalam dan luar negara. Audien seperti mahasiswa tidak terlepas dari kesan penyebaran berita palsu ini. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk menerokai pengetahuan, dan persepsi mahasiswa berkaitan penyebaran berita palsu di N.E.W.S.E.E.D, dan juga menerokai kesan penyebaran berita palsu di N.E.W.S.E.E.D kepada mahasiswa. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual mendalam menggunakan protokol temubual secara berstruktur. Seramai lapan orang informan dikenalpasti melalui persampelan bertujuan dari pelbagai latar program pengajian. Maklumbalas direkodkan secara elektronik dan ditranskripsi semula oleh penyelidik. Data kajian telah dianalisis menggunakan analisis tematik melalui perisian NVIVO. Daripada analisis transkripsi data kajian, ia menunjukkan persepsi mahasiswa terhadap penyebaran berita palsu di N.E.W.S.E.E.D menunjukkan pandangan negatif dan tidak baik terhadap penyebaran berita palsu. Seterusnya, bagi kesan penyebaran berita palsu di N.E.W.S.E.E.D ialah, perubahan pola pemikiran mahasiswa. Perubahan pola pemikiran

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



adalah menjurus kepada mudah percaya dan terpengaruh dengan berita palsu. Hasil kajian menunjukkan bahawa berita palsu membawa kesan yang tidak baik kepada mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM).

Kata Kunci:

Berita Palsu; Facebook; Kesan Berita Palsu; Persepsi Mahasiswa

Abstract:

The phenomenon of fake news is becomes a negative environment in the sharing of facts or vice versa. The development of communication platforms, namely social media, has become a medium for fake news creators or fake news presenters to be active in this activity. Society is usually exposed to the spread of fake news in the use of social media whether it is related to the country or abroad. Audiences such as students are not immune to the effects of the spread of fake news. Therefore, this study was conducted to explore the knowledge and perception of students related to the spread of fake news in N.E.W.S.E.E.D, and also explore the effects of the spread of fake news in N.E.W.S.E.E.D to students. This study uses a qualitative method through in-depth interviews using a structured interview protocol. A total of eight informants were identified through purposive sampling from various program' backgrounds. Responses were recorded electronically and transcribed back by the researcher. The data was analyzed using thematic analysis through NVIVO software. From the transcription analysis of the research data, it shows the perception of students towards the spread of fake news at N.E.W.S.E.E.D shows a negative and unfavorable view towards the spread of fake news. Next, for the effect of the spread of fake news at N.E.W.S.E.E.D, it is a change in students' thinking patterns. The change in thinking patterns is aimed at easily believing and being influenced by fake news. The results of the study show that fake news has a bad effect on the students of Universiti Utara Malaysia (UUM).

Keywords:

Fake News; Facebook; Impact Of Fake News; Student Perception

Pengenalan

Media sosial maya merupakan platform impak tinggi dalam masyarakat kini. Abdul Rahman, Kanyo, dan Hairuddin, (2022) mendapati pengaruh media komunikasi rangkaian sosial maya memberi impak yang besar terhadap budaya, agama dan nilai masyarakat di Sabah. Justeru, menurut mereka, setiap individu perlu mempunyai nilai intelek yang kukuh untuk hidup dalam perubahan teknologi dunia. Nilai intelek ini boleh dikaitkan dengan persekitaran universiti yang merupakan pembinaan intelek bangsa.

N.E.W.S.E.E.D merupakan kumpulan *Facebook* diwujudkan pada tahun 2014 yang menjadi platform warga kampus, alumni, pemegang taruh seperti komuniti untuk membincangkan pelbagai isu Universiti Utara Malaysia. Jumlah ahli sehingga hari ini adalah seramai 69, 285 ahli. N.E.W.S.E.E.D menjadi lebih popular apabila pelbagai isu diperdebatkan dan berlaku perubahan dalam wacana isu yang baharu termasuk penyebaran berita palsu.

Peningkatan penggunaan media sosial juga mengundang kepada kebanyakan penyebaran maklumat dan penyebaran berita palsu. Mansyah, (2017) menyatakan berita palsu ini diolah

dan dirangka membuat berita seakan-akan benar, namun hal ini merupakan sebuah fakta yang tidak kukuh dan juga mencipta keraguan dan persoalan masyarakat. Penyebarannya membuatkan masyarakat menjadi resah dan menjadikan masyarakat mudah terpengaruh dalam melihat keadaan demikian sehingga adanya kesan yang nyata dengan penyebaran berita palsu itu.

Orang ramai ataupun masyarakat lazimnya mempunyai pelbagai persepsi terhadap penyebaran berita palsu. Kartika, (2019) di dalam hasil kajiannya menemui bahawa terdapat persepsi negatif terhadap berita palsu atau berita “hoax”. Informan di dalam kajian tersebut mendapati bahawa berita palsu merupakan hal yang tidak baik kerana dapat menimbulkan rasa kebencian atau permusuhan individu (Kartika, 2019). Persepsi ini dirasai bagi kelompok tertentu jika pertimbangan secara matang diberikan, namun bagaimana pula kelompok pelajar? Dalam konteks mahasiswa, apakah persepsi mahasiswa Universiti Utara Malaysia kepada penyebaran berita palsu di halaman Facebook yang popular di Universiti Utara Malaysia iaitu N.E.W.S.E.E.D?

Selain itu, penyebaran berita palsu tidak akan terjadi dengan tiba-tiba. Idris (2018) menyatakan kebanyakan masyarakat yang menerima berita palsu ini adalah bersumberkan media sosial. Oleh yang demikian, penyebaran berita palsu melalui media sosial yang tidak dikawal dikatakan dapat mengubah pemikiran manusia. Kemampuan berita palsu yang tersebar ini juga boleh menjadikan masyarakat mudah mempercayai dan mempengaruhi orang lain untuk mempercayainya (Pakpahan, 2017). Perubahan pemikiran manusia juga merupakan salah satu kesan penyebaran berita palsu secara tidak dikawal. Apakah kesan penyebaran berita palsu terhadap mahasiswa Univeristi Utara Malaysia?

Rentetan dari persoalan yang ditimbulkan, kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

- i. Menerokai pengetahuan dan persepsi mahasiswa Universiti Utara Malaysia kepada penyebaran berita palsu di N.E.W.S.E.E.D.
- ii. Mengetahui kesan penyebaran berita palsu terhadap mahasiswa Universiti Utara Malaysia.

Ulasan Karya

Berita Palsu dan Media Sosial

Definisi berita palsu boleh juga dikaitkan dengan “hiburan propaganda” (Khaldarova & Pantti, 2016); kandungan yang “mengaburkan baris antara yang bukan fiksyen dan fiksyen” (Berkowitz & Schwartz, 2016) atau ia boleh dikaitkan dengan maklumat yang salah, gangguan maklumat, maklumat kabur dan kebenaran yang disangsi (Pérez-Escoda, Pedrero-Esteban, Rubio-Romero, & Jiménez-Narros, 2021). Maklumat palsu yang ini diistilahkan kepada berita palsu telah mencetuskan kebimbangan serius di banyak negara. Beberapa penyelidik telah menyebutnya sebagai pencemaran maklumat (Wardle & Derakhshan, 2017), manipulasi media (Warwick & Lewis, 2017), atau peperangan maklumat (Khaldarova & Pantti, 2016).

Wardle et al., (2017) menyusun semula berita palsu ke dalam tujuh kategori iaitu sambungan palsu dimana tajuk utama, visual ataupun kapsyen tidak menyokong kepada kandungan yang dikongsi. Kategori kedua ialah kandungan palsu iaitu kandungan tulen dikongsikan dengan maklumat kandungan palsu. Kategori yang ketiga merupakan kandungan yang dimanipulasi. Kategori ini menerangkan mengenai kandungan yang tulen untuk menipu. Kategori seterusnya

ialah kandungan yang mengelirukan umum. Di dalam kategori ini melakukan penggunaan yang mengelirukan maklumat untuk membingkaikan isu atau individu. Seterusnya ialah kandungan menipu iaitu sumber tulen adalah disamaratakan. Kategori lainnya ialah kandungan yang telah direka oleh penyebar. Kandungan tersebut telah direka seratus peratus palsu dan direka untuk menipu dan membahayakan. Kategori terakhir ialah satira ataupun parodi yang berpotensi untuk menipu tetap tidak bermaksud untuk membahayakan (Wardle et al., 2017).

Tandoc Jr, et al., (2019), mendapati bahawa kebanyakan pengguna media sosial di Singapura mengabaikan berita palsu yang mereka temui di media sosial. Mereka akan memberi penjelasan dan pembetulan terhadap berita tersebut sekiranya berita tersebut berkaitan dan sangat relevan kepada mereka ataupun sesiapa yang dalam lingkaran sosial mereka. Manakala, di Malaysia, Hamzah, et al., (2020), dalam kajian bersama warga UTHM penggunaan media sosial semakin popular dalam kehidupan masyarakat, timbulnya beberapa impak negatif secara tidak langsung melalui sebaran berita palsu ini.

Seterusnya, kajian Ahmed Al-Rawi (2018) menunjukkan bahawa penerima berita palsu cenderung untuk menghubungkan berita palsu kepada peranan negatif media sosial dalam menyebarkan maklumat dan berita yang salah. Selain itu, (Danny Paskin, 2018) pula membandingkan keputusan dengan ciri peribadi responden. Keputusan menunjukkan bahawa jumlah maklumat yang diberikan adalah penting, sementara kebanyakan ciri-ciri peribadi tidak menyedari berita palsu, mereka tidak bertindak demikian

Selain dari itu, Allcott dan Gentzkow (2017) berita palsu telah memberi tumpuan kepada beberapa bidang seperti kesannya kepada keputusan pilihan raya. Di dalam kajian Tandoc et al., (2019) juga ada mengatakan kesan berita palsu berikutan Pemilihan Presiden AS pada tahun 2016 yang menjadikan perkembangan berita palsu. Lewandowsky (2017) mengatakan bahawa pentingnya mempelajari berita palsu terutamanya di zaman teknologi global. Ini kerana era teknologi komunikasi yang semakin berkembang menjadikan masyarakat lebih cenderung untuk menerima maklumat palsu atau berita palsu.

Seterusnya, kajian Christian (2019) menunjukkan berita palsu telah menjadi topik penting di dalam persekitaran sosial dan politik. Di dalam kajiannya, beliau mendapati hasil respon daripada penduduk di Jerman yang dipilih sebagai responden telah menyatakan persepsi dan sikap yang ditunjukkan terhadap berita palsu. Hasil kajian mendapati bahawa lebih daripada 80 peratus daripada responden bersetuju bahawa berita palsu boleh menimbulkan ancaman dan sebanyak 78 peratus responden melihat berita palsu sebagai sesuatu yang merosakkan demokrasi rakyat Jerman (Christian, 2019).

Dari aspek perkembangan kajian, media tradisional bukan lagi satu-satunya saluran untuk mendapatkan maklumat, rangkaian sosial telah menjadi medium utama yang dianggap sempurna untuk pengguna mencari maklumat yang mereka perlukan dengan cepat (Pérez-Escoda et al., 2021). Pérez-Escoda, et al., (2021) telah menyatakan media sosial sebagai perkembangan era maklumat kerana media sosial yang dibina mengenai perhubungan yang sangat bernilai untuk membentuk hubungan yang baik di antara individu dengan individu yang lain. Pada masa kini, hakikat yang perlu diterima masyarakat yang menunjukkan media sosial telah menjadi satu elemen utama dalam kehidupan masyarakat secara drastik.

Media sosial didefinisikan sebagai satu aplikasi berkumpulan yang berasaskan kepada penggunaan internet. Melalui media sosial, masyarakat dapat membina ideologi asas dan

teknologi web di mana membolehkan penciptaan teknologi web dijana dan digunakan oleh pengguna sasaran (Kaplan & Haenlein, 2010). Aplikasi ini juga diperkatakan mampu mengubah kehidupan bermasyarakat dan berorganisasi. Menurut Karishma et al. (2018), ciri utama mengenal pasti berita palsu di media sosial ialah, sumber berita, kandungan maklumat dan tindak balas pengguna. Tindak balas pengguna di media sosial memberi maklumat tambahan yang amat berguna untuk pengesanan berita palsu. Maklumat sekunder di dalam bentuk penglibatan pengguna dari aspek (menyukai siaran, memberi komen dan berkongsi siaran” mengandungi maklumat yang akan menunjukkan aliran maklumat tersebut (Karishma et al., 2018).

Berita palsu juga dikaitkan dengan media sosial kerana keperluan sosial sesetengah individu. Keperluan sosial mungkin juga menjadi satu sebab dan dorongan untuk menghasilkan berita palsu dan maklumat yang salah seperti status, perhatian, pembangunan identiti atau hiburan. Pelaku boleh membuat dan berkongsi maklumat yang salah dan disengajakan untuk mendapatkan penerimaan dalam komuniti atas talian supaya memperoleh perhatian ramai atau lebih lazim dikatakan mencari populariti (Wardle & Derakhshan, 2017). Pengguna media sosial diberi kelebihan dengan keupayaan memberi maklumbalas melalui melalui tanda suka, kongsi dan komen untuk membuat satu kandungan bagi menarik perhatian rakan dan pengikut di laman sosial (Warwick & Lewis, 2017).

Media sosial membuktikan saluran pengedaran yang berkesan untuk maklumat palsu (Warwick & Lewis, 2017). Kajian telah menunjukkan bahawa berita palsu lebih banyak dikongsi di media sosial daripada artikel daripada media yang diedit (Silverman, 2016). Kuasa berita palsu dan ketidaksengajaan terletak pada seberapa baik ia dapat menembusi persekitaran sosial. Dua aspek penting untuk memahami peredaran maklumat berita palsu ialah teknologi dan kepercayaan. Dalam seksyen yang berikut, kita akan melihat bagaimana teknologi dan kepercayaan memberi impak bagaimana penyebaran berita palsu (Warwick & Lewis, 2017). Facebook mempunyai peranan yang unik dalam menguatkan maklumat. Media sosial, terutamanya Facebook, telah menjadi titik utama untuk berita di banyak negara: lebih daripada separuh pengguna dalam talian atau 54%, di seluruh 36 negara mengatakan mereka menggunakan media sosial sebagai sumber berita setiap minggu (Newman, Fletcher, Kalogeropoulos, Levy, & Nielsen, 2017). Tambahan pula, dalam satu kajian yang meneliti pendedahan kepada maklumat yang tidak benar semasa kempen pilihan raya Amerika pada tahun 2016, penyelidik mendapati bahawa Facebook adalah vektor utama pendedahan kepada berita palsu (Guess, Nyhan, & Reifler, 2018).

Satu kajian yang membandingkan berita benar dan palsu berkaitan dengan pilihan raya (politik) di *Facebook* dengan jumlah penglibatan. Jumlah penglibatan dinilai melalui reaksi, komen dan saham oleh penerima berita iaitu orang awam. Hasil kajian menunjukkan bahawa di dalam tiga bulan sebelum pilihan raya presiden AS, pemilihan berita yang terbanyak diterima adalah dengan penglibatan daripada 20 berita teratas (Silverman, 2016). Satu kajian lainnya yang melihat kepada lebih banyak berita palsu menunjukkan bahawa dalam tempoh tiga bulan sebelum pilihan raya presiden AS tahun 2016, sebanyak 156 berita yang mengelirukan mendapat di bawah 38 juta tanda suka di Facebook (Allcot & Gentzkow, 2017).

Berita Palsu dan Mahasiswa

Mahasiswa merupakan golongan yang akan membawa dan membangunkan masyarakat dan negara apabila peralihan zaman berlaku. Mahasiswa secara unggulnya membantu dalam sebarang proses kemajuan negara. Mahasiswa secara lazimnya didefinisikan sebagai seseorang yang sedang dalam proses menimba ilmu ataupun belajar dan sedang menjalani pendidikan pada salah satu bentuk pembelajaran tinggi yang terdiri daripada akademik, politeknik, sekolah tinggi, institusi dan universiti (Hartaji, 2012).

Menurut Siswoko (2017), kewujudan era baharu yang juga telah lebih banyak mengamalkan media baharu dalam penyampaian sesuatu berita ataupun informasi telah menyebabkan lebih banyak mahasiswa yang menggunakan media sosial sebagai tempat dan platform mendapatkan maklumat. Media sosial yang kini sudah menjadi kebiasaan kepada mahasiswa yakni generasi muda juga tidak akan terhindar daripada pelbagai impak yang timbul. Penggunaan media sosial yang terlalu kerap juga berpotensi untuk menimbulkan pengaruh negatif. Selain daripada itu, dikhuatiri lagi penggunaan media sosial akan membentuk persepsi dan perilaku mahasiswa. Hasil daripada penyebaran informasi yang berkembang dan malahan tular di media sosial seolah-olah telah menjadi suatu rujukan dan keperluan kepada mahasiswa dan berbincang dan berfikir secara kritis (Siswoko, 2017)


Namun yang demikian, berita mahupun informasi yang diberikan dan tular di media sosial belum terbukti kesahihan dan kebenarannya. Lebih-lebih lagi terdapat fenomena berita palsu di dalam sesetengah berita yang tular di media sosial. Mahasiswa sebagai golongan intelektual muda seharusnya memiliki penyaring ataupun penapis yang mampu menilai kebenaran berita yang asal sebagai sumber informasi. Kemampuan menilai kebenaran sebuah berita bagi seorang mahasiswa akan membawa impak kepada kemampuan mengambil keputusan yang tepat dan akhirnya akan membuat mahasiswa berani mengambil risiko. Namun sebaliknya juga, apabila maklumat dan informasi yang di ambil salah, maka akan menjadikan mahasiswa membuat keputusan yang salah.

Berita palsu ini disebarkan bertujuan untuk menjatuhkan lawan politik yang juga bertujuan untuk menyebarkan ujaran kebencian. Perkara ini telah dijelaskan oleh Kartika (2019) mengenai bagaimana persepsi mahasiswa terhadap penyebaran berita palsu. Tindak balas dan juga jawapan informan kepada penyebaran berita palsu memberi tanggapan bahawa persepsi mereka kepada berita palsu sebagai sesuatu yang tidak baik. Hasil kajian juga mendapati bahawa berita palsu jelas dapat memberikan kesan antaranya menimbulkan rasa kebencian dan permusuhan individu atau kelompok masyarakat tertentu yang menjurus kepada konflik (Kartika, 2019).

Berita palsu dikatakan memberi kesan kepada banyak perkara antaranya perpecahan kepada masyarakat. Perkara ini dijelaskan lagi oleh Siswoko (2017) bahawa fenomena berita palsu ini dapat mengakibatkan perpecahan masyarakat. Pernyataan ini turut disokong oleh Pakpahan, (2017) yang berpendapat bahawa berita palsu mampu menjadi satu fenomena yang mampu mengubah pola pemikiran manusia. Kemampuan berita palsu yang tersebar ini boleh menjadikan masyarakat mempercayai berita tersebut. Bukan sahaja masyarakat biasa malahan di dalam dunia pendidikan seperti mahasiswa juga mudah terikut percaya dengan kenyataan yang tidak sah. Berita palsu ataupun informasi yang tidak benar ini juga dengan mudah dapat membuat para penyampai dan penerima berita mempengaruhi orang lain terhadap informasi yang diterima melalui media sosial (Pakpahan, 2017).

Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian ini memfokuskan perbincangan dari konsep kajian lalu iaitu pengetahuan dan persepsi mahasiswa terhadap penyebaran berita palsu dan kesan penyebaran berita palsu berkenaan seperti dalam Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian

Metodologi Kajian

Kebanyakan pengkaji berpendapat bahawa kajian merupakan proses menyelidik, meneliti dan menyiasat dengan cara yang sistematik iaitu berdasarkan data, objektif, kritikal dan keinginan mengetahui secara saintifik atau menyelidik sesuatu permasalahan yang spesifik bertujuan untuk mendapatkan jawapan dan penyelesaian terhadap masalah yang dikaji (Azizah Hamzah, 2010). Bagi tujuan kajian penerokaan, kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif merupakan pendekatan yang semulajadi atau natural untuk memahami suatu fenomena dalam konteks yang khusus (Symonds, & Gorard, 2008).

Menurut Connolly (2007), penyelidik kualitatif biasanya tidak akan membuat generalisasi statistik luaran dan ia bermatlamat mendapatkan gambaran mengenai sosial dan proses amalan-amalan tertentu yang wujud di dalam lokasi dan konteks tertentu (Connolly, 2007). Azizah Hamzah (2010) menyatakan kaedah ini juga adalah untuk memperolehi maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan kepada sampel informan dalam jumlah yang kecil. Kaedah kualitatif juga merupakan kaedah yang dikatakan paling sesuai bagi meneliti isu sensitif dan memerlukan pemahaman yang lebih mendalam dengan data yang lebih abstrak dan pendapat daripada informan berbanding kuantitatif.

Informan Kajian

Kajian ini menggunakan persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan dengan populasi yang ditetapkan oleh pengkaji ialah pelajar Universiti Utara Malaysia khususnya yang terlibat secara aktif di dalam kumpulan N.E.W.S.E.E.D. Ketepatan data telah dicapai apabila pengkaji mencapai lapan orang informan dalam lamapn temubual yang diatitkan. Keseluruhan enam perempuan dan dua lelaki dari pelbagai latar program pengajian di Universiti Utara Malaysia. Mereka adalah dalam peringkat umur antara 22 dan 23 tahun. Maklumat demografi informan adalah seperti di Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Demografi Informan

Informan	Jantina	Umur	Program Pengajian
1	Perempuan	23	Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan Keupujian
2	Perempuan	22	Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan Keupujian
3	Perempuan	22	Ijazah Sarjana Muda Sumber Manusia dengan Keupujian
4	Lelaki	23	Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan Keupujian
5	Perempuan	22	Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Keupujian
6	Perempuan	23	Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Keupujian
7	Lelaki	24	Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan Keupujian
8	Perempuan	23	Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Keupujian

Kaedah Kutipan Data

Temubual merupakan pendekatan terbaik untuk merungkai perkara-perkara yang kompleks. Menurut Cresswell (2008), proses melaksanakan temubual dirancang oleh penyelidik supaya temubual berjalan dengan sempurna iaitu mengetahui persediaan sebelum menemubual informan, mengetahui kemahiran menemubual informan dan mendokumentasikan hasil temubual. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual dengan pelajar mengenai persepsi mereka berkaitan penyebaran berita palsu di N.E.W.S.E.E.D, dan juga untuk mengenalpasti kesan penyebaran berita palsu. Pengumpulan data dilakukan melalui temubual informan secara bersemuka selama tempoh satu jam. Informan-informan memberikan jawapan dan pandangan mereka melalui tida bahagian utama berdasarkan konsep kajian dalam Rajah 1 dan berpandukan kepada objektif kajian ini. Instrumen temubual atau protokol temubual dibahagikan mengikut tema yang berlainan bagi mewujudkan suasana temubual yang harmoni. Ia bertujuan supaya informan dapat memberikan jawapan tepat berdasarkan objektif kajian.

Analisis Data

Proses pengumpulan data dan proses menganalisis data kajian ini dijalankan serentak bertujuan supaya mengelakkan penyelidik berhadapan dengan masalah kehilangan maklumat yang penting (Awang, Tiawa, Abdul & Sumarni, 2005). Data yang diterima dan dikumpulkan melalui temubual di analisis oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Pengkaji menggunakan pendekatan enam fasa analisis tematik berdasarkan cadangan Nowell, et al., (2017) iaitu pengkaji memulakan dengan transkripsi data dan memahami data temubual, menjana kod dari temubual, mencari tema dari data yang diperolehi, mengkaji tema berkenaan secara lebih mendalam, menentukan dan menamakan tema dan fasa terakhir ialah menyediakan laporan. Perisian yang digunakan oleh pengkaji ialah Nvivo 8. Perisian ini dibina bagi membantu pengkaji untuk membuat analisa transkrip data yang terhasil daripada temubual yang dijalankan. Data yang telah dianalisis diambil petikan ayat informan yang berkaitan dengan objektif kajian ini. Jawapan yang diberikan oleh informan dinilai dan di bandingkan antara satu informan dengan yang lain.

Dapatan Temubual Kajian

Pengetahuan Tentang Berita Palsu

Dalam mengenalpasti pengetahuan mahasiswa mengenai berita palsu, hasil kajian mendapati bahawa terdapat lima istilah iaitu berita tanpa bukti, khabar angin yang tidak betul, berita yang direka-reka, berita tidak sahih yang tersebar dan berita yang menjadi bualan. Bagi jenis berita palsu yang sering mahasiswa dapati di N.E.W.S.E.E.D pula ialah melibatkan isu kemalangan

jalan raya yang melibatkan pelajar, isu fasiliti di UUM seperti Wifi, servis pengurusan barangan pos, isu akaun palsu yang menyebarkan berita palsu dan yang paling kerap ialah isu berkaitan pengurusan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) khususnya sewaktu pilihan raya kampus UUM. Informasi ini diakui sebagaimana contoh ungkapan yang dinyatakan oleh informan seperti di bawah:


Informan 4: “...berita ataupun informasi yang disebarkan oleh suatu pihak yang berkepentingan yang menyebarkan informasi tu tanpa bahan bukti yang kukuh...”

Informan 6: “...berita palsu ni dia merupakan satu khabar angin yang mana berita tersebut tidak betul...”

Informan 1: “...Apa yang saya tahu mengenai berita palsu ni, ibarat macam sesuatu maklumat atau pun berita yang salah dan di reka-reka”

Informan 7: “...berita palsu ni satu maklumat ataupun sesuatu berita yang salah dan tidak benar...”

Informan 8: “...saya tahu apabila ianya menjadi viral contohnya di Facebook dan juga menjadi bualan ramai yang mana kawan-kawan saya juga membincangkan perkara tersebut...”



Rajah 2: Pengetahuan Tentang Berita Palsu

Hasil kajian mendapati bahawa pengetahuan mahasiswa terhadap berita palsu ialah, seorang daripada informan mengatakan bahawa berita palsu ialah berita yang disebarkan tetapi tiada bukti, manakala informan yang lainnya mengatakan berita palsu sebagai khabar angin yang tidak betul dan berita yang menjadi bualan orang ramai. Majoriti informan memberikan pandangan mereka terhadap berita palsu sebagai suatu berita yang tidak sah tetapi tersebar dan berita palsu sebagai berita yang direka-reka.

Dapatan ini selari dengan apa yang diperkatakan di dalam kajian lepas oleh Wardle et al., (2017) di dalam kategori berita palsu yang disusun. Wardle et al. (2017) turut mengatakan di dalam salah satu kategorinya bahawa berita palsu ialah kandungan yang telah direka oleh

penyebar. Hal ini turut di sokong oleh Mansyah (2017) yang juga mengatakan bahawa berita palsu ini merupakan berita yang diolah dan dirangka untuk membentuk dan membuat berita seakan-akan benar, sedangkan perkara ini merupakan sebuah fakta yang tidak kukuh dan fakta yang ditubuhkan untuk mencipta keraguan dan persoalan masyarakat.


Persepsi Mahasiswa UUM Terhadap Sebaran Berita Palsu

Dapatan kajian turut mendapati apakah persepsi-persepsi mahasiswa berikutan dengan isu penyebaran berita palsu di N.E.W.S.E.E.D. Hasil analisis mendapati antara persepsi pelajar mengenai penyebaran berita palsu ialah beranggapan negatif kepada penularannya memandangkan menjejaskan imej atau maruah mangsa yang diperlihatkan kepada umum melalui penulisan berita palsu, selain itu, segelintir informan berasa sedih, berasa marah dan kebanyakan dari informan merasakan bahawa berita palsu yang tersebar di media sosial Facebook (N.E.W.S.E.E.D) ini merupakan perkara yang tidak baik dan negatif. Perkara ini diakui oleh beberapa contoh yang dinyatakan oleh informan seperti di bawah:

Informan 5: “Bagi persepsi saya terhadap penyebaran palsu ini. Okay penyebaran berita palsu ini tidak elok dan ataupun tidak baik kerana ia boleh menjatuhkan maruah ataupun aib seseorang itu...”

Informan 2: “...persepsi saya tentang berita palsu ni, saya kadang-kadang marah jugak dengan penyebar-penyebar ni...”

Informan 1: “Persepsi ea..., saya rasa sedih la kalau macam contoh kes kemalangan tu semua.”



Rajah 3: Persepsi Mahasiswa UUM Terhadap Sebaran Berita Palsu

Hasil kajian mendapati bahawa persepsi mahasiswa terhadap penyebaran berita palsu di N.E.W.S.E.E.D ialah pelbagai. Segelintir informan mengatakan bahawa persepsi mereka terhadap penyebaran berita palsu di N.E.W.S.E.E.D ialah membuatkan emosi sedih dan marah. Hal ini dijelaskan lagi oleh informan bahawa mereka memandang berita palsu sebagai sesuatu yang boleh membuatkan mereka sedih dan marah. Majoriti informan pula menganggap penyebaran berita palsu ini sebagai suatu yang tidak baik dan lebih kepada membawa

keburukan kepada mahasiswa. Hal ini demikian kerana, berita palsu yang tersebar ini tersebar di dalam platform yang menghubungkan mahasiswa UUM. Lebih-lebih lagi, N.E.W.S.E.E.D merupakan satu platform untuk komuniti UUM berinteraksi, berkongsi maklumat berkaitan UUM.

Dapatan berkaitan persepsi ini selaras dengan apa yang dibangkitkan di dalam kajian lepas oleh Christian (2019) yang membuat kajian terhadap persepsi para responden di Jerman mengenai berita palsu. Di dalam kajiannya mengatakan bahawa lebih 80% responden yang bersetuju bahawa berita palsu sebagai sesuatu yang menimbulkan ancaman iaitu perkara negatif. Perkara ini telah dijelaskan oleh Kartika (2019) mengenai bagaimana persepsi mahasiswa terhadap penyebaran berita palsu. Tindak balas dan juga jawapan informan kepada penyebaran berita palsu memberi tanggapan bahawa persepsi mereka kepada berita palsu sebagai sesuatu yang tidak baik. Namun begitu, menurut Derakshan (2017), maklumat atau berita palsu lebih merujuk kepada maklumat yang palsu tetapi tiada niat atau unsur yang akan membawa kepada bahaya daripada maklumat palsu tersebut.

Kesan Penyebaran Berita Palsu Terhadap Mahasiswa UUM

Bagi dapatan kajian kesan penyebaran berita palsu kepada mahasiswa pula, informan memberikan pedapat mereka bahawa antara kesan yang akan terjadi sekiranya penyebaran berita palsu ini berlaku di N.E.W.S.E.E.D kepada mahasiswa UUM, antaranya ialah, boleh menimbulkan konflik, menjejaskan emosi, menjejaskan reputasi, menimbulkan tanggapan negatif masyarakat, dan juga dapat mengubah pola pemikiran mahasiswa. Hal ini menunjukkan bahawa kesan penyebaran berita palsu boleh menimbulkan konflik. Mengikut apa yang dijelaskan oleh informan, konflik akan terjadi sekiranya berita palsu yang di sebarkan melibatkan dua pihak dan terdapat unsur fitnah. Penyebaran berita palsu juga boleh menyebabkan tanggapan negatif masyarakat yang juga boleh menjejaskan reputasi.

Rajah 4 menunjukkan antara kesan yang difikirkan mampu terjadi sekiranya mahasiswa UUM mendapati sesuatu berita palsu. Antaranya ialah, kesan berita palsu mampu menimbulkan konflik, memberikan tanggapan negatif masyarakat terhadap mangsa, menjejaskan emosi, mengubah pola pemikiran mahasiswa dan juga menjejaskan reputasi mahasiswa yang menjadi mangsa berita palsu yang tersebar. Hal ini turut diakui seperti mana yang dihuraikan oleh informan seperti berikut:


Informan 8: "...nanti kita akan boleh menjadi konflik sebagaimana yang saya cakap tadi..."

Informan 3: "...individu yang terbabit, dia akan mengalami kemurungan ataupun *depression* disebabkan pandangan buruk masyarakat terhadap dirinya..."

Informan 6: "Individu tersebut tu mungkin akan rasa risau dan takut dengan kecaman netizen yang mana dia boleh mempengaruhi minda dan kognitif saya."

Informan 1: "Bagi saya kalau pasal berita palsu ni mostly benda buruk je... so dia akan bagi impak juga dekat reputasi saya."

Informan 5: "Ya, dia mungkin boleh mengubah pemikiran saya, mengenai, bila saya mengetahui berita-berita yang tidak pasti ataupun pasti, kerana saya ni seorang yang jenis yang mudah percaya dengan berita-berita yang disebarkan."



Rajah 4: Kesan Penyebaran Berita Palsu Terhadap Mahasiswa UUM

Hasil kajian menunjukkan antara kesan yang berlaku daripada penyebaran berita palsu di N.E.W.S.E.E.D ialah, tanggapan negatif masyarakat kepada mangsa berita palsu, menjejaskan reputasi dan emosi mangsa, mengubah pola pemikiran mahasiswa dan menimbulkan konflik. Kesan penyebaran berita palsu ini adalah sangat dominan kepada mahasiswa UUM dan mangsa berita palsu yang tersebar. Majoriti informan mengatakan bahawa berita palsu di N.E.W.S.E.E.D mampu mengubah pola pemikiran mahasiswa. Hal ini demikian kerana, berita yang tersebar adalah berkaitan dengan mahasiswa seperti fasiliti UUM, pengurusan UUM dan sebagainya. Pola pemikiran boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang terjadi di dalam kepala seseorang untuk mempengaruhi tingkah laku seseorang. Pola pemikiran merupakan hal yang penting untuk menjejaskan penilaian manusia dan pengambilan keputusan dapat memperbaiki atau merosakkan keputusan (Hamilton et al., 2011).

Dapatan ini selari menurut kajian lepas oleh Pakpahan (2017) yang mengatakan bahawa berita palsu mampu menjadi satu fenomena yang mampu mengubah pola pemikiran manusia. Menurut beliau lagi, kemampuan berita palsu yang tersebar ini boleh menjadikan masyarakat untuk mudah percaya malahan menurut Siswoko (2017) pula ada mengatakan di dalam dunia pendidikan, mahasiswa juga mudah terikut dan percaya dengan kenyataan yang tidak benar. Dapatan ini juga disokong oleh Kartika (2019) yang mengatakan bahawa kesan yang jelas hasil daripada penyebaran berita palsu mampu menimbulkan konflik dan rasa kebencian kepada individu lainnya.

Cadangan Kajian Akan Datang

Antara cadangan yang boleh dikaitkan dengan kajian akan datang ialah meneliti tindakan pengguna media sosial untuk mengatasi berita palsu. Kajian ini tidak meneroka tindakan yang boleh dilakukan oleh mahasiswa untuk mengatasi penyebaran berita palsu di N.E.W.S.E.E.D. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya pengkaji akan datang dapat menerokai tindakan pengguna terhadap berita palsu. Selain daripada itu, pengkaji juga mencadangkan bahawa skop kajian diluaskan kepada pengguna media sosial di berlainan platform media sosial. Kajian ini hanya memfokuskan kepada skop kajian mahasiswa UUM yang menggunakan Facebook

(N.E.W.S.E.E.D). Oleh itu, kajian akan datang disarankan untuk meluaskan skop kajian seperti Twitter, Instagram dan media sosial yang lain.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, meneroka pengetahuan mahasiswa berkaitan berita palsu di dalam platform N.E.W.S.E.E.D, informan menyimpulkan bahawa berita palsu ialah berita tanpa bukti, khabar angin yang tidak betul, berita yang direka-reka, berita yang tidak sah yang tersebar dan berita yang menjadi bualan. Selain itu, persepsi informan terhadap berita palsu di N.E.W.S.E.E.D ialah telah terarah kepada emosi sedih dan marah. Seterusnya, penelitian tema kesan daripada penyebaran berita palsu di N.E.W.S.E.E.D ialah membina tanggapan negatif masyarakat kepada mangsa berita palsu, menjejaskan reputasi terutama Universiti Utara Malaysia, mempengaruhi emosi serta mengubah pola pemikiran mahasiswa dan menimbulkan konflik. Kelebihan ciri unik media sosial yang mudah dicapai dan digunakan menyebabkan penyebaran berita palsu seperti tiada sempadan. Oleh yang demikian, penguatkuasaan undang-undang bagi mengekang penularan berita palsu adalah menjadi perkara utama yang selalu dibincangkan. Namun hakikatnya, ia bukan sahaja undang-undang berperanan dalam pencegahan ini, masyarakat atau lebih dekat disebut khalayak media sosial perlu mempunyai sempadan diri dari segi terus mempercayai dan menjadi mangsa berita palsu. Pendidikan dan pendedahan awal supaya meneliti sumber sah dan fakta sebenar adalah disiplin utama yang perlu diberi penekanan.

Bibliografi

- Abdul Rahman, A., Kanyo, N., & Hairuddin, S. (2022). Virtual Social Network Communication during the Covid-19 Pandemic According to Muslim Community in Sabah (2019-2021). *Asian Journal of Research In Education And Social Sciences*, 4(2), 69-75. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ajress/article/view/18351>
- Allcott, H. & Gentzkow, M. (2017). Social media and fake news in the 2016 election. *Journal of Economic Perspectives*. 31(2): 211–236.
- Al-Rawi. A., (2018). Gatekeeping Fake News Discourses on Mainstream Media Versus Social Media. *Social Science Computer Review*. DOI: 10.1177/0894439318795849.
- Awang Hamid, Dayang Tiawa and Omar, Abdul Hafidz & Sariffudin, Rio Sumarni (2005) *Aplikasi Perisian NVIVO Dalam Analisis Data Kualitatif*. In: 3rd International Qualitative Research Convention, 21-23 August 2005, Sofitel Palm Resort, Johor Bahru, Johor.
- Azizah Hamzah (2010). Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6 (1).
- Berkowitz, D. & Schwartz, D. A. (2016). Miley, CNN and The Onion, *Journalism Practice*, 10:1, 1-17, DOI: 10.1080/17512786.2015.1006933
- Christian R., Katrin H., Jan K., & Noah S. (2019). *Fake News Perception in Germany: A Representative Study of People's Attitudes and Approaches to Counteract Disinformation*. Technische Universität Darmstadt, Science and Technology for Peace and Security (PEASEC), Germany.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating qualitative & quantitative research* (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Merrill.
- Elle, H. (2016). *What is fake news? How to spot it and what you can do to stop it*. <https://www.theguardian.com/media/2016/dec/18/what-is-fake-news-pizzagate>

- Fazurawati Che Lah, (2018, Mei 7). *Tangkis Berita Palsu*. Harian Metro Online. <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/05/337401/tangkis-berita-palsu>
- Hamilton R., Kathleen D. Vohs, Anne-Laure Sellier, Tom Meyvis. (2011). Being of two minds: Switching mindsets exhausts self-regulatory resources. *Organizational Behavior and Human Decision Processes* .115 (1), May 2011, 13-24.
- Hamzah, S., Ani, F., Rameli, N., Md Nor, N., Halim, H., Rahman, R., Mohd Ali, A. S., Attan, N., & Kamri, K. A. (2020). Impak Penyebaran Berita Palsu melalui Media Sosial terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 1(1), 55-63. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs/article/view/501>
- Idris, I. (2018). *Klarifikasi Al-Qur'an atas Berita Hoax*. Jakarta: PT. Gramedia.
- Kaplan, A. M. & Haenlein, M. (2010). Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media. *Business Horizons*. 53, 59-68
- Karishma S., Feng Q., He J., Natali R., Ming Z., & Yan L. (2018). Combating Fake News: A Survey on Identification and Mitigation Techniques. *ACM Trans. Intelligence System Technology*. 37, 4, Article 111, 41 pages. <https://doi.org/10.1145/1122445.1122456>
- Kartika Nur Fitriana (2019). *Persepsi Mahasiswa Universitas Lampung dalam Menilai Berita Hoax*. Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik. Universitas Lampung Bandar Lampung.
- Khaldarova, I., & Pantti, M. (2016). Fake news: The narrative battle over the Ukrainian conflict. *Journalism Practice*, 10(7), 891-901.
- Lewandowsky S, Ecker UKH & Cook J (2017). Beyond misinformation: Understanding and coping with the 'post-truth' era. *Journal of Applied Research in Memory & Cognition*. 6, 353–369.
- Mansyah. (2017). Fenomena Berita Hoax Sosial Media Facebook Dalam Menghadapi Pemilihan Umum Gubernur DKI Jakarta. *Unpas*, 1(1), 1–30.
- Nadia Fauzi (2017). *Penggunaan Media Sosial Dalam Dunia Tanpa Sepadan: Suatu Kebaikan atau Keburukan?* Program Litigasi, ILKAP.
- Nowell, L. S., Norris, J. M., White, D. E., & Moules, N. J. (2017). Thematic Analysis: Striving to Meet the Trustworthiness Criteria. *International Journal of Qualitative Methods*. <https://doi.org/10.1177/1609406917733847>
- Nurrianti Jalli (2019, Jun 19). *Memerangi disinformasi dan berita palsu*. BH Online. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/06/575761/memerangi-disinformasi-dan-berita-palsu>
- Pakpahan R. (2017). Analisis Fenomena Hoax Diberbagai Media Sosial dan Cara Menanggulangi Hoax. *Konferensi Nasional Ilmu Sosial & Teknologi*, 1(1), 479–484.
- Paskin, D. (2018). Real or Fake News: Who Knows? *The Journal of Social Media in Society* Fall 2018, Vol. 7, No. 2. California State University Long Beach.
- Pérez-Escoda, A., Pedrero-Esteban, L.M., Rubio-Romero, J. & Jiménez-Narros, C. (2021). *Fake News Reaching Young People on Social Networks: Distrust Challenging Media Literacy*. 9, 24. <https://doi.org/10.3390/publications9020024>
- Silverman, C. (2016). *This Analysis Shows How Viral Fake Election News Stories Outperformed Real News on Facebook*. BuzzFeed.News. <https://www.buzzfeednews.com/article/craigsilverman/viral-fake-election-news-outperformed-real-news-on-facebook>
- Siswoko, K. H. (2017). Kebijakan Pemerintah Menangkal Penyebaran Berita Palsu atau “Hoax.” *Jurnal Muara Ilmu Sosial, Humaniora, & Seni*, 1(1), 13–19.

- Symonds, J. E. & Gorard, S. (2008). *The Death of Mixed Methods: Research Labels and their Casualties*. The British Educational Research Association. Annual Conference, Heriot Watt University, Edinburgh, September 3-6
- Tandoc, E. C., Lim, D., & Ling, R. (2019). Audiences' acts of authentication in the age of fake news: A conceptual framework. *Journal of New Media & Society*, Vol. 20(8) 2745 – 2763.
- Tandoc, E. C., Lim, D., & Ling, R. (2019). Diffusion of disinformation: How social media users respond to fake news and why. *Journalism*. 1-18. DOI:10.1177/1464884919868325
- Tandoc, E., Jenkins J & Craft S (2019). Fake news as a critical incident in journalism. *Journalism Practice* 13(6): 673–689.
- Wardle, C., & Derakhshan, H. (2017). *Information Disorder: Toward an interdisciplinary framework for research and policy making*. Council of Europe, Strasbourg, France. <https://rm.coe.int/information-disorder-toward-an-interdisciplinary-framework-forresearch/168076277c>
- Wardle, C., Dubberley, S., & Brown, P. (2017). *Amateur Footage: A Global Study of User-Generated Content in TV and Online News Output*. <http://usergeneratednews.towcenter.org/how-when-and-why-ugc-is-integrated-into-newsoutput/>
- Warwick, A. E. & Lewis, R. (2017). *Media Manipulation and Disinformation Online*. https://datasociety.net/pubs/oh/DataAndSociety_MediaManipulationAndDisinformationOnline.pdf